No. Rujukan : UTeM.02.05.03/100-3/2/3 Jld.4 (10)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SURAT EDARAN PENTADBIRAN
BILANGAN 18 TAHUN 2015

MAJLIS IFTAR BERSAMA TUAN YANG TERUTAMA TUN CANSELOR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) BAGI TAHUN 1436H

Pejabat Pendaftar
25 Jun 2015

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Pegawai-Pegawai Kanan
YDP Mailis Perwakilan Pelaiar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.05.03/100-3/2/3 Jld.4 (10) 25 JUN 2015

SURAT EDARAN PENTADBIRAN BIL. 18/2015

MAJLIS IFTAR BERSAMA TUAN YANG TERUTAMA TUN CANSELOR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) BAGI TAHUN 1436H

Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) akan menganjurkan Majlis Iftar Bersama Tuan Yang Terutama Tun Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka 1436H seperti ketetapan berikut:-

TARIKH	:	**2 JULAI 2015 BERSAMAAN 15 RAMADAN 1436H**
MASA	:	**5.30 PETANG HINGGA 10.00 MALAM**
TEMPAT	:	**MASJID SAYYIDINA ABU BAKAR, KAMPUS INDUK, UTeM**

2.0 Majlis di atas adalah majlis rasmi Universiti dan setiap staf Universiti adalah **DIMESTIKAN** hadir. Bagi meningkatkan hubungan silaturrahim dan kekeluargaan maka staf dialu-alukan membawa keluarga bersama bagi meraikan majlis ini. Ketua Pusat Tanggungjawab adalah bertanggungjawab dan dikehendaki memastikan kehadiran setiap staf yang berada di bawah seliaan mereka untuk hadir di majlis ini. Kehadiran staf akan diambil sewaktu pendaftaran dan setelah selesai majlis di masjid.

3.0 Oleh yang demikian, pihak Pengurusan Universiti ingin memaklumkan bahawa waktu bekerja pada tarikh **2 Julai 2015** akan ditamatkan lebih awal iaitu pada jam 3.00 petang. Keputusan Universiti ini adalah bagi membolehkan staf dapat membuat persiapan sewajarnya untuk menghadiri majlis tersebut.

4.0 Seperkara yang berkaitan, kehadiran staf ke majlis ini amat penting sebagai tanda sokongan ke atas kesungguhan usaha pihak Universiti di samping turut menghormati kehadiran tetamu-tetamu penting yang turut hadir menyeri dan menjayakan majlis yang berkenaan.

Sekian, harap maklum.

"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"

Saya yang menurut perintah,

DATUK HASAN BIN SIRUN
Pendaftar
/pi

ATURCARA
MAJLIS IFTAR BERSAMA TUN CANSELOR 1436H
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Tarikh : 2 Julai 2015 bersamaan 15 Ramadan 1436H (Khamis)
Tempat : Masjid Sayyidina Abu Bakar, Kampus Induk, UTeM

5.30 petang	- Para Jemputan Mengambil Tempat
6.00 petang	- Ketibaan Pegawai-Pegawai Kanan Universiti
6.20 petang	- Ketibaan Naib Canselor UTeM dan Isteri
6.25 petang	- Ketibaan Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM dan Isteri
6.30 petang	- Ketibaan Pro-Canselor UTeM dan Isteri
6.35 petang	- Ketibaan Ketua Menteri Melaka dan Isteri
6.40 petang	- Ketibaan Tuan Yang Terutama Tun Canselor UTeM **Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob dan Y.A. Bhg. Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Zurina binti Kassim** - Bacaan Doa - Ucapan Alu-aluan Oleh : **Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib** **Naib Canselor UTeM** - Penyerahan Sumbangan Ihya Ramadan - Penyerahan Sumbangan Tabung Rohingya
7.24 malam	- Azan Maghrib & Berbuka Puasa - Solat Maghrib Berjemaah - Jamuan Ramadan
8.39 malam	- Solat Isyak, Solat Sunat Tarawih dan Solat Sunat Witir
10.00 malam	- Moreh - Tuan Yang Terutama Tun Canselor UTeM dan Toh Puan meninggalkan majlis - Bersurai

Pakaian : Baju Kebangsaan